

PM lancar PR1MA Kuantan hari ini
Utusan Online
23 Mac, 2013

KUALA LUMPUR 22 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan satu lagi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Kuantan, Pahang, esok.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Bhd., Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, projek tersebut merupakan sebuah pembangunan bersepadu untuk menampung keperluan perumahan mampu milik bagi penduduk di tiga kawasan utama iaitu bandar Kuantan, Indera Mahkota dan Paya Besar.

"Perdana Menteri akan mengumumkan secara rasmi dalam majlis Jelajah Janji Ditepati Kuantan yang akan diadakan esok," katanya dalam sidang akhbar mengumumkan perkara itu di sini hari ini.

Abdul Mutalib berkata, pengumuman projek PR1MA Kuantan adalah tepat pada masa kerana permintaan untuk perumahan mampu milik semakin meningkat di Pahang.

"Tiga lokasi ini iaitu bandar Kuantan, Indera Mahkota dan Paya Besar mempunyai kedudukan yang strategik dan permintaan tinggi," katanya.

Katanya, PR1MA Kuantan akan mudah diakses melalui Jalan Gambang, Jalan Tanjung Lumpur dan Jalan Pekan.

Mengulas tentang perkembangan PR1MA, Abdul Mutalib berkata, pihaknya menasaskan membina 80,000 unit perumahan rakyat mampu milik melalui program itu pada tahun ini.

"Kita juga kini sedang dalam perbincangan dengan Syarikat Prasarana Negara Bhd. (Prasarana) bagi membina PR1MA di tiga kawasan di Lembah Klang iaitu di Jelatek, Putra Heights dan Glenmarie," katanya.

Abdul Mutalib memberitahu, sehingga Disember 2012, PR1MA Bhd. juga telah menerima sebanyak 170,000 pemohon yang mendaftar untuk mendapatkan rumah mampu milik disediakan kerajaan melalui program ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130323/dn_21/PM-lancar-PR1MA-Kuantan-hari-ini